

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: 05 Mac 2017 17:15
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'TREE FOR THE FUTURE ': 14 PERSATUAN PELAJAR DAN 14 POKOK ANGKAT



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

05 MAC 2017 / 06 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

'TREE FOR THE FUTURE ': 14 PERSATUAN PELAJAR DAN 14 POKOK ANGKAT



PPA UUM CAS ONLINE: Pada 3 Mac 2017 yang lepas, seramai 82 orang pelajar UUM CAS telah berkumpul di sekitar pejabat PPA CAS untuk menyertai program 'Tree for the Future' yang bermatlamatkan memupuk sifat sayangkan tumbuhan dan semangat untuk mengekalkan kehijauan bumi. Di dalam program ini, setiap kelab dan persatuan di bawah UUM CAS menyahut cabaran menanam satu pokok buah-buahan dan dijadikan sebagai pokok angkat yang perlu dijaga sehingga mendatangkan hasil. Di samping 13 buah kelab CAS, MPP juga tidak melepaskan peluang menanam satu pokok buah dan dijadikan sebagai pokok angkat.

Sebanyak 23 pokok buah-buahan telah ditanam di sekitar pejabat PPA CAS iaitu manggis, manga, mahkota dewa, ciku, avocado, avio, dan jambu air. Di dalam program ini, pihak Mardi Bukit Tangga telah berbesar hati menyumbang sebanyak 15 pokok buah-buahan dan wakilnya En Mohd Ridzuan Bin Mohd Daud telah menyerahkan pokok-pokok tersebut kepada wakil-wakil kelab. Selebihnya, pokok buah-buahan yang lain disumbangkan oleh Dekan PPA sendiri, Dr Massudi Mahmuddin. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran lapan (8) orang pegawai Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tangga yang diketuai oleh En. Muhammad Shukri bin Mat Noor, Timbalan Pendaftar KPM. Mereka menjadi jurutunjuk kepada para pelajar tentang cara-cara menanam pokok bermula dari proses menggali lubang, menanam pokok, dan membina sungkupan. Sepanjang proses penanaman, para pelajar dapat mempraktikkan secara terus tentang cara-cara menanam pokok dengan betul.

Semasa ucapan perasmian, Dekan PPA mengatakan bahawa walaupun kita tidak sempat memakan hasilnya kerana pokok-pokok tersebut mengambil masa yang agak lama untuk berbuah, kita akan berasa bangga melihat pokok buah yang sudah besar apabila kembali ke UUM pada masa hadapan serta dapat bercerita kepada anak cucu mengenai pokok yang kita tanam. Menurut Nur Ezrina Zainudin, daripada Persatuan Kaunseling dan Psikologi (PERKAP), beliau berasa beruntung dapat menyertai program ini kerana mendapat pengalaman baru tentang penanaman pokok buah-buahan walaupun menyedari tidak sempat memakan hasilnya. Beliau dan persatuannya telah menanam pokok ciku.

Sebelum ini, para pelajar CAS telah menyertai lawatan ke Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tangga pada 28 Feb 2017 yang merupakan sebahagian daripada aktiviti 'Tree for the Future'.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my

 Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

 @ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.